

LAMPIRAN I

SYARAT DAN TERMA PEMBELIAN PLAT KHAS KENDERAAN UNISZA SEMPENA SAMBUTAN UNISZA KE-40

1. Pembelian terbuka kepada semua warganegara Malaysia.
2. Penggunaan Mel-E bagi pendaftaran EBIDA, UNISZA mencadangkan pembida menggunakan Yahoo, Gmail atau Email Institusi bagi mengelakkan sebarang kesulitan pendaftaran.
3. Pembida dibenarkan membida dan membeli lebih dari satu (1) nombor dengan bayaran perkhimatan RM10 bagi setiap nombor.
4. Nombor pendaftaran khas kenderaan UNISZA hanya boleh digunakan untuk daftar kenderaan Malaysia sahaja.
5. Semua pembelian hendaklah dilakukan melalui bidaan terbuka di laman rasmi portal bidaan UNISZA, ebida.unisza.edu.my
6. Semua bidaan dalam talian memerlukan penggunaan kad kredit dan kad debit. **Kos yang akan dikenakan oleh bank akan ditanggung oleh pembida.**
7. Deposit bagi kategori nombor bernilai Utama, Menarik, Popular dan Semasa adalah 100% daripada nilai bidaan pertama pembida. Senarai kategori nombor (Lampiran).
8. Bidaan minima bagi setiap kategori bernilai Utama, Menarik, Popular dan Semasa adalah sebagaimana berikut:

KATEGORI	BIDAAN MINIMUM (RM)	PENINGKATAN MINIMA BIDAAN (RM)
Utama	50,000	2,500
Menarik	3,000	150
Popular	800	40
Semasa	200	10

9. Setiap bidaan dijadualkan untuk tamat pada pukul 12.00 AM.
10. Pendaftaran dan kegunaan nombor plat kenderaan UNISZA masih tertakluk kepada syarat-syarat di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 yang dikuatkuasakan oleh Jabatan Pengangkutan Jalanraya, Kementerian Pengangkutan Malaysia.
11. Untuk urusan penukaran nama hak-milik nombor plat setelah berjaya dalam bidaan, pembeli hendaklah membuat pertukaran dalam tempoh selewat-lewatnya setahun setelah pemenang diumumkan dengan bayaran RM100.
12. Sistem eBIDA akan mengemaskini data pemenang setelah bidaan tutup dan pembida berjaya akan dipaparkan di dalam portal eBIDA UniSZA.
13. Arahan pendaftaran setelah berjaya dan menerima sijil tawaran dari Pejabat Pengurusan Penjanaaan Pendapatan, Pelaburan dan Jaringan Industri (P4P) :
 - a. Pembeli perlu menghubungi pejabat P4P untuk pengambilan sijil tawaran rasmi plat khas UNISZA dari pejabat P4P.
 - b. Sekiranya tidak dapat hadir ke Pejabat P4P, pembeli boleh meminta untuk diposkan sijil tersebut dengan bayaran pos RM15. Bayaran boleh dibuat ke akaun Bendahari UniSZA, BIMB 130 170 100 823 94. Bukti pembayaran boleh dihantar kepada wakil P4P.
 - c. Pendaftaran nombor khas kenderaan UNISZA tersebut perlu didaftarkan dalam tempoh 12 bulan di JPJ Cawangan Wangsa Maju atau JPJ Cawangan Kuala Terengganu. Perlanjutan tempoh pendaftaran perlu mendapat kelulusan Pejabat P4P.
 - d. Sebarang pindah-milik setelah nombor khas UNISZA didaftarkan pada kenderaan hendaklah berurusan dengan bahagian JPJ, Cawangan Wangsa Maju dan JPJ Cawangan Kuala Terengganu.
14. Sijil tawaran asal hanya akan dikeluarkan sekali. Pihak pembida berjaya dinasihatkan menyimpan sijil tawaran rasmi dengan baik dan tidak cuai. Cetakan semula sijil tawaran rasmi hanya boleh dilakukan jika bukti kehilangan yang sah (cth; laporan polis) dapat dikemukakan dan akan dikenakan caj RM20.

15. Segala keputusan bidaan adalah muktamad dan sebarang surat-menyurat tidak akan dilayan. UNISZA mengamalkan polisi tiada hadiah dan berharap semua pihak menghormati proses penjualan plat kenderaan khas ini.
16. Bagi pembida yang telah menang dan mempunyai kesukaran untuk mengambil sijil kemenangan di Pejabat P4P, kami mencadangkan;
 - a. Pemenang boleh menghantar wakil untuk mengambil sijil kemenangan dan perlu membawa salinan kad pengenalan pemenang.
 - b. Pihak kami juga menyediakan perkhidmatan pos, namun pihak kami tidak menanggung sebarang risiko kerosakan atau kehilangan terhadap sijil dan bayaran perkhidmatan penghantaran sebanyak RM15 akan dikenakan untuk urusan penghantaran boleh hubungi Pejabat P4P. Bayaran boleh dibuat ke akaun Bendahari UniSZA, **BIMB 130 170 100 823 94**. Bukti pembayaran boleh dihantar kepada wakil P4P.
17. Senarai pembida yang berjaya akan diberi kepada JPJ Cawangan Wangsa Maju dan JPJ Cawangan Kuala Terengganu.

SYARAT-SYARAT KHAS LAIN PENJUALAN

1. Tawaran skim potongan gaji kepada kakitangan UNISZA hanya untuk nombor plat bagi kategori Utama, Menarik dan Popular.
2. Kesemua harga bidaan plat kenderaan yang dipaparkan dalam sistem adalah muktamad dan telah diluluskan pihak pengurusan tertinggi Universiti.